

# Tiga punca jadi pembuli jalan raya

## KES-KES BULI JALAN RAYA

### Kes dikenakan tindakan

**6 MEI 2022**

- Seorang pemandu kereta yang memotong barisan secara berbahaya dikenakan saman polis di Ipoh, Perak. Menerusi rakaman video yang tular di media sosial, pemandu itu berlagak samseng ketika keluar dari kereta Toyota Alphard dipandunya.

Terlibat kemalangan, terperangkap dalam kesesakan dan cuaca faktor pengguna jalan raya hilang sabar

## SHAH ALAM

Terdapat tiga faktor yang boleh menyebabkan emosi seseorang pengguna jalan raya terganggu sehingga bertindak luar kawalan dan mencetuskan pergaduhan yang akhirnya membawa kepada insiden buli jalan raya.

Tiga faktor tersebut ialah apabila terlibat kemalangan, terperangkap dalam kesesakan lalu lintas untuk jangka masa panjang, serta berada dalam keadaan cuaca panas.

Pakar Psikologi dan Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dr Fauziah Mohd Saad berkata, kesemua situasi tersebut boleh meningkatkan tahap stres seseorang.

Bagaimanapun, katanya, ia mengikut situasi semasa kejadian.

"Misalnya kalau seseorang itu sedang stres dan berlaku sesuatu situasi seperti kena tunggu lama dalam kesesakan trafik atau panas dan sebagainya, boleh mencetuskan sikap agresif.

"Mungkin juga sebelum itu ter-



FAUZIAH



## LAPORAN KHAS

Salah faham boleh menyebabkan seseorang pemandu kenderaan bertindak kasar di jalan raya. - Gambar hiasan

libat kemalangan kecil yang bukan berpunca daripadanya. Apabila berlaku salah faham, boleh menyebabkan individu itu bertindak kasar.

"Namun dalam konteks kemalangan, mungkin ada satu punca menjadikan mereka bertindak kasar. Mungkin juga orang yang menyebabkan kemalangan itu tidak mengaku salah," katanya

ketika dihubungi *Sinar Ahad*.

Fauziah berkata, pemandu kenderaan yang terlibat kemalangan perlu bijak mengawal emosi dengan tidak terburu-buru membuat sebarang tindakan.

"Jika seseorang pemandu itu tidak boleh mengawal kemarahan dan mudah bertindak agresif, ambil masa beberapa minit buat teknik pernafasan dalam kereta.

"Tujuannya untuk membantu diri bertenang sebelum keluar berbincang dengan orang yang terlibat dengan nada baik. Ambil masa untuk bertenang.

"Apabila berlaku kemalangan, boleh tengok tahap diri seseorang. Ada yang jenis penyabar, ada yang baran. Jadi tak boleh kata mereka ada masalah kesihatan mental," katanya.

Tambah Fauziah, insiden yang tular di laman sosial sehingga mencetuskan spekulasi boleh menambah tekanan kepada individu terlibat.

"Kebanyakan video yang ditularkan tidak berlaku seperti yang digembar-gemburkan oleh warganet, sebaliknya hanya mahu meraih jumlah *likes* yang banyak," ujarnya.

Justeru, beliau berkata, orang ramai dinasihatkan tidak mudah menularkan sesuatu situasi tanpa mendapatkan maklumat tepat agar tidak timbul sebarang spekulasi.

## 21 JUN 2022

- Seorang pemandu Toyota Alphard yang berlagak samseng menggunakan laluan kecemasan dan meludah ke arah kenderaan lain di Lebuhraya Karak pada 30 April dihadapkan dengan tiga pertuduhan di Mahkamah Majistret Selayang, Kuala Lumpur.

## 4 JULAI 2022

- Satu rakaman video berdurasi 1 minit 14 saat tular memaparkan seorang pemandu Perodua Myvi memandu secara berbahaya dan berlagak samseng di Jalan Taman Selayang Jaya, Selayang. Susulan itu, polis menahan lelaki berkenaan dan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Selayang pada 8 Julai lalu.

## Kes yang tular di media sosial

### 24 JANUARI 2022

- Sebuah video tular di media sosial menunjukkan pemandu kereta bertindak samseng mengejar sebuah lagi kereta dan menghalang laluan kenderaan lain di Jalan Setia Gemilang U13/45B Shah Alam, berhadapan Apartment Seri Mutiara.

### 24 MAC 2022

- Sebuah video tular melibatkan seorang pemandu van dan penunggang motosikal berlagak samseng dengan cuba menahan sebuah ambulans di Jalan Tepi Sungai, Klang ketika dalam perjalanan ke sebuah hospital.

### 1 MEI 2022

- Tular sebuah video seorang lelaki memandu kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Alphard secara berbahaya di Kilometer (KM) 25.1 hingga KM27.5 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak menghala ke Genting Sempah, Gombak.

### 10 MEI 2022

- Sebuah video tular di media sosial memaparkan seorang pemandu kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Toyota Avanza bertindak memberhentikan kenderaannya dan memarahi pemandu sebuah bas di tengah jalan raya.

### 16 MEI 2022

- Tular video berdurasi 2 minit 50 saat memaparkan sebuah kereta BMW bertindak samseng di Kilometer 10 Lebuhraya Persekutuan Kuala Lumpur dengan menekan brek secara mengejut untuk menahan sebuah lori.

### 18 JUN 2022

- Tular sebuah video seorang pemandu lori bertindak samseng dengan memandu secara berbahaya dan merosakkan kenderaan milik seorang pengguna jalan raya dalam kejadian tersebut.